

Kemalangan Jet Tebuan

PM arah siasat secara teliti



DATUK SERI DR.
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan penyiasatan menyeluruh diadakan terhadap kemalangan Jet Tebuan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terhempas di ladang getah Pasir Minah, Binjal dekat Kuantan semalam.

Sumber-sumber Kementerian Pertahanan memberitahu Berita Harian, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan telah diberi taklimat mengenai kemalangan itu.

Mesyuarat peringkat tinggi diadakan kemudian. Turut hadir di mesyuarat itu ialah Panglima Markas Udara, Brigadier Jeneral (U) Mohd Yunus Tasi.

Menurut sumber tersebut, penyiasatan itu dibuat kerana beberapa kemalangan udara pernah berlaku melibatkan jet Tebuan TUDM.

Dalam nahas semalam, dua juruterbangnya Kapten (U) Razak Ibrahim, 26 tahun, dan pelatihnya Lt. Muda (U) Sahari Ibrahim, 21 tahun, berjaya menyelamatkan diri menggunakan kerusi penginjil untuk keluar dari pesawat itu.

Berkecai

Jet tersebut kemudian meletup di udara, berkecai jatuh ke ke ladang getah tersebut. Kedua juruterbang dikatakan turun dengan selamat menggunakan payung terjun.

Sumber tersebut memberitahu lagi, Menteri Pertahanan memandang berat nahas tersebut walaupun ia tidak mengorbankan nyawa.

Pada 23 September tahun lalu sebuah Jet Tebuan TUDM terhempas dan membunuh dua juruterbangnya dekat landasan Pangkalan TUDM Kuantan. Jet tersebut meletup semasa juruterbangnya, Letenan Udara Morgan Christmas Ponnambalan dan Mohamad Ismail Saad sedang dalam latihan penerbangan.

Berikutan kemalangan itu, TUDM merancang untuk menggantikan Jet Tebuan. Jaminan juga diberikan penggunaan Jet Tebuan adalah selamat.

Sumber tersebut menjelaskan lagi, kebanyakan nahas yang berlaku adalah disebabkan kerosakan enjin, bukan kecualan atau kurang pengetahuan juruterbangnya.

Kelayakan

"Kesemua pelatih dan juruterbang menerima latihan yang cukup dan hanya dibenarkan memandu sendiri bila mereka mencapai peringkat kelayakan tertentu," katanya.

Sehingga ini 18 buah jet TUDM menemui nahas, terhempas dan meletup melibatkan kerugian lebih \$20 juta dan kehilangan beberapa nyawa.

Jet Tebuan dipercayai telah tidak digunakan lagi oleh mana-mana negara di dunia, kecuali pembekalnya Kanada. Ini menyebabkan sukar bagi TUDM mendapatkan alat-alat gantiannya.

Jet tersebut, kata sumber itu walaupun sesuai digunakan untuk latihan penerbangan biasa, tetapi diragui keselamatannya.

Jurucakap Perhubungan Raya TUDM berkata, punca nahas tersebut akan diketahui setelah siasatan selesai dijalankan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia